guhan ialah atas permintaan pendakwaan dengan alasan penyiasatan belum selesai. Ini tidak menghairankan kerana tertuduh telah ditangkap dalam masa 24 jam setelah aduan dibuat kepada polis dan dituduh dalam mahkamah 11 hari kemudian. Pembelaan telah pada tiap kali minta suatu pelepasan tetapi ini ditolak oleh mahkamah. Kemudian tangguhan diminta oleh pembelaan kerana peguam telah terlibat dalam mahkamah lain. Kehadiran tertuduh yang terakhir ialah pada 27hb Februari, 1980, hampir tiga tahun setelah dia muncul buat pertama kalinya dalam mahkamah.

Pada hari itu pendakwaan memohon tangguhan yang panjang atas alasan walaupun penyiasatan sudah selesai mereka tidak boleh mengemukakan saksi-saksi dalam pembicaraan kerana sebab-sebab berikut:

(i) 10 orang saksi pendakwaan termasuk tiga orang pengadu tidak boleh dikesan; dan

(ii) pegawai penyiasatan sekarang berada di London mengikuti kursus undang-undang dan dijangka tidak akan pulang sehingga Disember 1980.

Pembelaan sekali lagi meminta suatu pelepasan tetapi Yang di Pertua berkata: "Saya dapati saya berada dalam suatu keadaan serba salah iaitu sama ada saya patut perintah suatu pelepasan tidak terjumlah kepada suatu pembebasan atau menangguh kes". Beliau membenarkan tangguhan yang pendek dan merujuk kes kepada mahkamah ini untuk arahan.

Punca keadaan serba salah Yang di Pertua ialah kerana pada pandangannya ada pertentangan dalam keputusan kes *Public Prosecutor* v. *Hettiarachigae L.S. Perera*[1] dengan keputusan baharu-baharu ini dalam kes *Public Prosecutor* v. *Tan Kim San.*[2] Dengan segala hormatnya, tidak ada apa-apa pertentangan tetapi ada suatu perbezaan. Dan perbezaannya ialah ini. Dalam kes *Perera* telah diputuskan mahkamah sepatutnya jangan menggunakan kuasa pelepasannya di bawah seksyen 173(g) Kanun Acara Jenayah sekiranya polis belum bersiap sedia untuk meneruskan dengan pembicaraan kerana ketidakhadiran saksi atau lain sebab-sebab. Kalau diingatkan balik dalam kes itu tangguhan pada awalnya ialah kerana saksi tidak hadir dalam mahkamah. Memang benar apabila terdakwa dituduh semula pendakwaan telah memohon untuk suatu tangguhan atas alasan penyiasatan belum selesai tetapi adalah keputusan mahkamah bahawa alasan itu tidak boleh dipercayai dan oleh itu tidak boleh diterima. Dalam kes *Tan*, sebaliknya, keputusan ialah mahkamah patut guna kuasa pelepasannya di bawah seksyen 173(g) Kanun Acara Jenayah sekiranya pendakwaan minta tangguhan atas alasan penyiasatan belum selesai kerana sebab yang senang iaitu sekiranya penyiasatan belum diselesaikan ini bermakna pendakwaan tidak ada alasan untuk menuduh dan tuduhan itu adalah tidak berasas.

Secara ringkas, acaranya ialah seperti berikut:

(i) Sekiranya penyiasatan *belum* selesai mahkamah patut pakai kes *Tan* dan menolak permohonan untuk tangguhan atas alasan ini dan melepaskan tertuduh tidak terjumlah kepada pembebasan di bawah seksyen 173(g) Kanun Acara Jenayah.

(ii) Sekiranya penyiasatan sudah selesai tetapi pendakwaan memohon tangguhan atas alasan saksi tidak hadir atau tidak boleh dikesan; atau pakar kimia atau laporan perubatan belum dihantar kepada tertuduh; atau atas alasan seumpama itu yang menghalang pembicaraan dimulakan, barulah mahkamah patut pakai kes *Perera* dan membenarkan tangguhan. Sekiranya kes itu lama belum selesai maka mahkamah patut melaporkan perkara itu kepada Pendakwa Raya yang boleh dalam budibicaranya guna kuasanya di bawah seksyen 254 Kanun Acara Jenayah untuk menarikbalik tuduhan itu.

Dalam kes ini, walau apapun kedudukan pada mulanya, adalah nyata penyiasatan telahpun selesai dan oleh itu keputusan dalam kes *Perera* terpakai. Selain daripada mengelakkan pendakwaan yang berulangan seperti telah berlaku dalam kes *Perera*, mahkamah patut ingat bahawa melepaskan kes kerana ketidakhadiran saksi boleh dengan senangnya menggalakkan dunia penjenayah membawa lari saksi pendakwaan untuk membantutkan pembicaraan. Sekiranya ini berlaku pentadbiran keadilan akan menjadi suatu permainan. Pihak polis sebaliknya patut berjaga-jaga dan menghalang kejadian seperti ini.

Saya arah Yang di Pertua yang arif supaya membenarkan tangguhan dalam kes ini seperti diminta oleh pendakwaan tetapi saya ingin menasihatkannya sementara itu untuk melaporkan keadaan kes ini kepada Pendakwa Raya.

Perintah seperti dinyatakan.

Peguamcara: *Sri Ram & Co.*

PERKARA DATO BENTARA LUAR, SIMATI; HAJI YAHAYA BIN YUSOFF & LAIN-LAIN lwn. HASSAN BIN OTHMAN & LAIN-LAIN*

[Bidangkuasa Sivil (Abdul Razak H.) Julai 11hb. 1981]
[Johor Bharu — Kes Sivil Bil. 390 Tahun 1977]

Undang-undang Islam — Wakaf — Wakaf untuk anak-anak dan keturunan mereka untuk selama-lamanya — Sama ada sah — Takrif wakaf sebagai pemberian untuk tujuan agama — Enekmen Pentadbiran Undang-undang Islam Johor, 1978, s. 41.

Dalam tahun 1909 Al-marhum Dato Bentara Luar Johor, Mohamed Salleh bin Perang, telah membuat wakaf untuk dua orang anaknya, Othman dan Kalthom dan keturunan mereka untuk selama-lamanya. Al-marhum telah meninggal dunia dalam tahun 1915. Mereka yang menuntut dalam kes ini adalah pentadbir-pentadbir *de bonis non* kepada harta benda Dato Bentara Luar. Mereka yang dituntut pula adalah anak-anak kepada mereka yang mendapat faedah daripada wakaf tersebut. Pihak yang menuntut mendakwa bahawa wakaf tersebut tidak sah di sisi undang-undang dan tidak memberi kesan. Pihak yang dituntut mendakwa bahawa wakaf tersebut adalah sah dan menuntut balas untuk satu pengisytarahan untuk tujuan itu dan arahan penyerahan tanah tersebut.

Diputuskan: dengan berasaskan kepada peruntukan 11, Enakmen Larangan Wakaf, 1911 dan seksyen 41 Enakmen Pentadbiran Undang-undang Islam, 1978, sesuatu wakaf untuk faedah keluarga seseorang adalah sah di Johor dan dengan itu pihak yang dituntut berhak mendapat kejayaan dalam tuntutan balas mereka.

---

* Dialihbahasa dari [1981] 2 M.L.J. 352 oleh Abdullah bin Abu Bakar B.A. Al-Azhar, LL.M. Sheffield, Pensyarah, Fakulti Undang-undang, Universiti Malaya.

Kes-kes rujukan:

(1) *Shaik Mohamed Ahsanullah Chowdhry* v. *Amarchand Kundu & Ors.* (1889-1890) 17 I.A. 28.

(2) *Abdul Fata Mohamed Ishak & Ors.* v. *Russomoy Dhur Chowdry & Ors.* (1894-1895) 22 I.A. 76.

(3) *Fatuma binti Mohamed bin Salim Bakhshuwen & Ors.* v. *Mohamed bin Salim Bakhshuwen* [1952] A.C. I.

(4) *Commissioner for Religious Affairs, Trengganu & Ors.* v. *Tengku Mariam & Ors.* [1970] 1 M.L.J. 222.

(5) *Haji Embong bin Ibrahim & Ors.* v. *Tengku Nik Maimunah & Ors.* [1980] 1 M.L.J. 286.

(6) *Meer Mohamed Ismail Khan* v. *Shashti Churn Ghose & Ors.* (1892) I.L.R. 19 Cal. 412.

KES SIVIL.

Thara Singh Sidhu bagi pihak yang menuntut.

Ng Kong Yeam bagi pihak yang dituntut.

Abdul Razak H.: Tuntutan ini adalah mengenai satu wakaf yang dibuat oleh Almarhum Dato Bentara Luar Johor, Mohamed Salleh bin Perang, untuk dua orang anaknya, Othman dan Kalthom, dan keturunan mereka buat selama-lamanya. Surat wakaf tersebut telah dibuat pada 20hb. Mei, 1909. Beliau meninggal dunia pada 22hb. Julai, 1915. Pihak yang menuntut adalah pentadbir *de bonis non* kepada harta pesaka Dato Bentara Luar. Pihak yang dituntut pula adalah anak-anak kepada mereka yang mendapat faedah dari wakaf tersebut. Perkara wakaf tersebut ialah sekeping tanah lot nombor 883 Grant 1072 dalam bandar Johor Bahru terhadap mana pihak yang dituntut telah membuat kaveat supaya menyekat tanah itu dari dijual oleh pihak yang menuntut. Pihak menuntut telah cuba mengenepikan kaveat tersebut di hadapan Hakim Dato' Syed Othman (Hakim pada masa itu) akan tetapi tuan hakim telah menolak permintaan tersebut dan memutuskan bahawa kedua-dua pihak mestilah terlebih dahulu menyelesaikan masalah hakmilik tanah tersebut. Yang menuntut mendakwa wakaf tersebut adalah tidak sah di sisi undang-undang dan tidak mempunyai sebarang kesan berdasarkan kepada undang-undang yang berkuatkuasa sebelum dan selepas surat wakaf itu dibuat. Ditambahkan pula jikalau ianya Dato Bentara Luar membuat suratcara wakaf itu (yang dinafikan), beliau tidak membenarkannya berlaku dan ia tidak bertujuan memberi sebarang kesan di bawah undang-undang yang berkuatkuasa masa itu.

Untuk memudahkan rujukan, suratcara wakaf untuk Othman diturunkan yang menyebut:

"Saya Mohamed Salleh bin Perang (Dato Bentara Luar) dalam keadaan waras fikiran dan sempurna kesihatan mewakafkan sebidang tanah bersama-sama dengan tumbuhan-tumbuhan yang terdapat di atasnya selaku sebahagian daripada tanah saya di Johor yang memakai Grant No. 166 bertarikh 2hb. Muharam 1299 Hijrah kepada anak saya Othman bin Mohamed Salleh dan turun kepada anak cucu dan keturunannya buat selama-lamanya."

Tidak ada suratcara wakaf kepada Almarhum Kalthom diperlihatkan selain daripada plan yang berkembar dengan suratcara wakaf untuk Othman yang menentukan bahawa bahagian separuh tanah lagi adalah kepunyaannya (Kalthom).

Pihak yang menuntut meminta supaya tanah tersebut dijual dan pendapatannya dibahagi-bahagikan kepada orang-orang yang berhak menerima bahagian dari harta Dato Bentara Luar mengikut undang-undang Islam dan juga kaveat yang diadakan hendaklah diketepikan. Pihak yang dituntut dalam pembelaan mereka menafikan bahawa wakaf tersebut tidak sah. Mengikut mereka, wakaf itu dibuat dengan sah mengikut undang-undang Islam dan undang-undang negeri Johor. Mereka membuat tuntutan-balas pengisytiharan sedemikian dan juga keturunan Othman dan Kalthom adalah orang-orang yang berhak mendapat faedah daripada wakaf tersebut. Mereka memohon supaya perintah meletak hak ke atas tanah itu dibuat bagi kepentingan mereka untuk memiliki tanah itu sebagai amanah untuk anak cucu Othman dan Kalthom tersebut.

Dalam perbicaraan, semua pihak menerima bahawa kedua-dua wakaf tersebut ujud akan tetapi masih dipertikaikan tentang sahnya. Oleh kerana itu tidak ada keterangan dikemukakan selain daripada keterangan Kadhi Besar Johor bagi mengemukakan Suratcara Wakaf untuk Othman. Juga kedua belah pihak menerima bahawa sebelum itu Suratcara Wakaf itu telah dirujukkan kepada Majlis Ugama Islam, Johor, untuk mendapat fatwa di bawah seksyen 16, Enakmen Pentadbiran Undang-undang Islam, 1978 dan Mufti negeri Johor kemudiannya menetapkan bahawa kedua-dua wakaf tersebut adalah sah mengikut Hukum Syara' (Mazhab Shafii). Surat Kadi Besar untuk membuktikan perkara itu telah dikemukakan (A34).

Jadi, persoalan asas dalam perbicaraan ini adalah terbatas kepada penentuan sama ada wakaf tersebut itu sah di sisi undang-undang. Sejarah wakaf dan perkembangan undang-undang setakat mana undang-undang yang ujud sebelum 1911 berkisar sekitar sekurang-kurangnya tiga kes penting, *Sheikh Mohamed Ahsanullah Chowdhry* v. *Amarchand Kundu & Ors.*,[1] *Abdul Fata Mahomed Ishak & Ors.* v. *Russomoy Dhur Chowdry & Ors.*;[2] dan *Fatuma binti Mohamed bin Salim Bukhshuwen & Ors.* v. *Mohamed bin Salim Bukhshuwen.*[3] Alasan yang terdapat di dalam kes-kes tersebut ialah bahawa sesuatu wakaf untuk kepentingan keluarga, anak-anak dan keturunan orang yang membuat wakaf itu dan untuk kepentingan kebajikan adalah hanya dikira sah, sekiranya terdapat di situ pemberian yang sebenar (substantial dedication) untuk kegunaan-kegunaan kebajikan pada bila-bila masa. Walau bagaimanapun wakaf seperti itu tidak dikira sah sekiranya tujuan asasinya adalah untuk mengkayakan keluarga pembuat wakaf dan pemberian kepada kebajikan adalah suatu angan-angan sama ada disebabkan oleh kerana kecil kadarnya atau ianya tidak ketentuan atau jauh penyampaiannya. Keputusan-keputusan itu telah diikuti oleh mahkamah-mahkamah kita dalam kes *Commissioner for Religious Affairs, Trengganu & Ors.* v. *Tengku Mariam & Ors.*[4] dan *Haji Embong bin Ibrahim & Ors.* v. *Tengku Nik Maimunah & Ors.*,[5] di mana telah diputuskan jalan untuk mengesahkan wakaf tersebut boleh dibuat melalui undang-undang. Di India, undang-undang sedemikian dibuat oleh Mussalman Wakaf Validating Act VI 1913 and 1930. Di negeri ini ada peruntukan di Trengganu oleh Enakmen Mengesahkan Wakaf Orang-orang Islam No. 10 Tahun 1972. Enakmen itu memperuntukkan bahawa wakaf untuk keluarga wakaf tidak menjadi taksah selama mana terdapat di situ pemberian wakaf yang akhir untuk kebajikan.

Akan tetapi apakah kedudukan yang ada di Johor pada masa tersebut? Sepertimana seseorang dapat lihat kes-kes Privy Council yang menentukan prinsip-prinsip tersebut di atas adalah diputuskan sebelum tahun 1911. Pada tahun 1911, Badan Perundangan negeri Johor telah meluluskan Enakmen Larangan Wakaf 1911 untuk menyelesaikan perkara tanah-tanah wakaf yang terdapat di Johor sebelum dan selepas Enakmen tersebut. Hingga ini ia secara kebetulan undang-undang itu belum dimansohkan. Tajuknya berbunyi "Untuk menyekat perpindahan milik tertentu ke atas tanah". Ianya ringkas akan tetapi satu undang-undang yang kemas. Bagi tujuan kita, seksyen yang berkaitan ialah seksyen 4 yang berbunyi seperti berikut:—

"4. Sekiranya, pada masa sebelum penguatkuasaan Enakmen ini, mana-mana tanah yang telah diisytiharkan sebagai tanah wakaf *selain daripada untuk mana-mana tujuan umum atau kebajikan*, hak milik tanah itu hendaklah mulai dari tarikh penguatkuasaan Enakmen ini dikira ada terletak secara menyeluruh pada orang atau orang-orang yang berhak mendapat faedah dari sewa dan keuntungan tanah itu; dan setiap orang berasaskan kepada kadar faedahnya dari sewa dan keuntungan yang demikian, dikira mempunyai hak tetap dan yang boleh diwariskan dan dipindah atas tanah tersebut." (Keistimewaan yang diberi ialah oleh saya).

Enakmen 1911 itu tidak membuat takrif pengertian wakaf. Adalah dianggapkan bahawa pengertiannya difahami dan diterima umum. Undang-undang yang mengatur perkara wakaf di Johor sekarang adalah disebut di dalam Enakmen Pentadbiran Undang-undang Islam Johor 1978 yang terpakai kepada semua wakaf yang dibuat sebelum atau selepasnya dan mengikut kaedah tafsiran setakat ianya tidak bercanggah dengan Enakmen 1911 di dalam enakmen itu juga. Di bawah Seksyen 41 Undang-undang 1978 itu sesuatu wakaf ditakrifkan sebagai satu pemberian yang berkekalan di atas harta atau sebahagian daripadanya oleh tuanpunya harta itu kerana maksud ugama mengikut Hukum Syara'. Seseorang mestilah menganggap bahawa dalam meluluskan Enakmen tersebut (1911) Badan Perundangan Johor telah menyedari keadaan undang-undang yang mengenai wakaf dengan rujukan khusus kepada keputusan-keputusan Privy Council tersebut. Jadi dengan memperuntukkan dalam Enakmen tersebut yang berbunyi —

"mana-mana tanah yang telah diisytiharkan sebagai tanah wakaf *selain daripada bagi mana-mana tujuan umum atau tujuan kebajikan*, hak miliknya hendaklah dari tarikh penguatkuasaan Enakmen ini dikira ada terletak secara menyeluruh pada orang atau orang-orang yang berhak mendapat faedah dari sewa dan keuntungannya." (Keistimewaan yang diberi ialah oleh saya)

pentafsiran yang perlu serta makna yang tersirat hendaklah diertikan bahawa Badan Perundangan Johor dalam meluluskan Enakmen tersebut adalah bertujuan semata-mata untuk mengatasi kebuntuan yang dibuat oleh keputusan Privy Council dan prinsip-prinsip yang tersebut dalamnya dengan memperuntukkan bahawa bagi negeri Johor dua jenis wakaf telah diakui sebelum tahun 1911 iaitu satu wakaf am dengan tujuan kebajikan dan satu lagi tidak semestinya bertujuan kebajikan akan tetapi berbentuk peribadi dan untuk tujuan ugama, yang terakhir itu merangkumi di dalam bidangnya wakaf khas yang dibuat secara menyeluruh kepada individu-individu dan ahli keluarga pembuat wakaf akan tetapi oleh kerana tidak terdapat tujuan kebajikan dengan jelas Privy Council memutuskan bahawa wakaf itu tidak sah akan tetapi Enakmen 1911 telah berkesan untuk mengesahkannya kerana dalam kes-kes seperti ini tidak lagi perlu unsur kebajikan berada dan menjadi utama selama mana ianya bertujuan untuk ugama. Pada pandangan saya Enakmen 1911 hanya memberi pengiktirafan sekali lagi kepada konsep asal Islam yang mengakui pemberian wakaf kepada keluarga seseorang adalah satu amalan ugama seperti yang perlu untuk wakaf sekalipun ianya tidak bertujuan untuk kebajikan. Sarjana Islam yang terkenal Hakim Ameer Ali dalam kes *Meer Mahomed Ismail Khan* v. *Shashti Churn Ghose & Ors.*[6] dalam mengemukakan teori wakaf menyebut bahawa Nabi Mohamed (s.a.w.) sendiri ada menyebut maksudnya —

"Seseorang yang memberi kepada keluarga seseorang untuk menyelamatkan dia daripada jatuh ke lembah kefaqiran adalah lebih bertaqwa daripada memberi sedekah kepada peminta-pemintanya. Sebaik-baik sedekah ialah pemberian seseorang kepada keluarganya."

Rujukan telah dibuat kepada kes itu dalam kes *Abdul Fata Mohamed Ishak*, yang disebut di atas.

Berbalik kepada kes kita, dalam mana Mufti Johor dalam fatwanya telah mengesahkan wakaf yang dibuat dan telah menerima pendapat asal Islam. Mufti telah pun memberi pendapatnya yang berasas kepada undang-undang Islam dan pada hemat saya pendapat itu hendaklah diterima apabila tidak terdapat mana-mana pandangan lain. Wakaf yang ada ini termasuk dalam takrif Enakmen Pentadbiran Undang-undang Islam Johor 1978 sebagai suatu yang memberi faedah kepada orang tertentu ataupun golongan tertentu (lihat seksyen 41). Adalah penting diperhatikan bahawa di bawah seksyen tersebut sesuatu wakaf itu ditakrifkan sebagai pemberian kerana maksud *ugama*. Ia tidak termasuk maksud *kebajikan* (penekanan ianya oleh saya). Jadi, dengan sebab tersebut di atas seksyen 41 Enakmen Pentadbiran Undang-undang Islam Johor, 1978 dan seksyen 11 Enakmen Larangan Wakaf menjadikan sesuatu wakaf yang diperuntukkan kepada keluarga seseorang adalah sah.

Dihujjahkan oleh pihak yang menuntut bahawa wakaf bagi tanah itu tidak mempunyai kesan disebabkan surat-surat hakmilik dikeluarkan dalam tahun 1911 sedangkan wakaf itu diperbuat dalam tahun 1909. Akan tetapi sesuatu wakaf dikira sempurna dengan mengisytiharkannya dan tidaklah perlu seseorang mutawalli (pengurus) dilantik dan pemilikan diperolehi olehnya. Ia dikira sudah berkesan untuk memindahkan harta itu dari pembuat wakaf kepada pemilikan yang ditujukan untuk Allah (Lihat Principles of Muhammadan Law oleh *Tyabji* 2nd Edition m.s. 544, 548). Wakaf itu kemudiannya menjadi tidak boleh ditarik balik (Lihat Muhammadan Law oleh *Verma* 4th Edition 1968 m.s. 564).

Wakaf dalam kes ini telahpun selesai sebaik sahaja Almarhum Dato Bentara Luar melakukan surat-cara wakaf dalam tahun 1909 dengan mengisytiharkan bahawa tanah yang berkenaan tertakluk kepada wakaf untuk faedah dua orang anaknya. Dipertikaikan juga bahawa tidak ada niat dari pihak Dato Bentara Luar untuk membuat wakaf, kerana ia pada masa itu bertindak secara tidak selaras dengan cara memungut keuntungan-keuntungan daripada tanah tersebut untuk faedah dirinya sendiri dan dengan cara menggadaikannya. Akan tetapi mengambil keuntungan dari-

pada tanah tersebut bagi faedah pembuat wakaf tidak semestinya tidak seragam dengan sesuatu suratcara wakaf, kerana penyimpanan hasil pendapatan bagi faedah pembuat wakaf untuk kegunaannya semasa hidupnya adalah sah (Lihat Hakim Ameer Ali dalam keputusannya di muka 412 di atas). Asas dan sebab perkara ini disebut oleh *Verma* (halaman 580) bahawa hutang pembuat wakaf boleh dibayar daripada wang pendapatan harta bendanya dan ia boleh disarahan daripadanya. Dia mengatakan ini tidak bercanggah dengan konsep sesuatu wakaf yang sah dengan syarat harta wakaf itu secara tertentu dan tetap diberikan kepada tujuan yang dimaksudkan, iaitu untuk berbakti kepada Allah. Walau bagaimanapun sebaik sahaja wakaf itu sempurna ianya tidak boleh dicabar atas alasan ianya tidak dimaksudkan ataupun ianya tidak dilaksanakan (*Verma's* di muka 592). Hak seorang pembuat wakaf dikira hilang sebaik sahaja dia membuat pengisytiharan dan dia atau orang lain tidak boleh mengatakan bahawa apabila ia mengisytiharkan ianya tidak mempunyai tujuan untuk membuat suatu pemberian yang sah (Lihat Hakim Ameer Ali di muka 434 di atas). Walau bagaimanapun jika terdapat perbuatan yang boleh mencacatkan wakaf dari pihak pembuat wakaf, ini sudah tentu menunjukkan bahawa ia sudah melakukan perkara yang berlawanan dengan wakaf itu: ia tidak semestinya menunjukkan yang ia tidak mempunyai tujuan untuk membuatnya.

Adalah betul, seperti yang ditunjuk oleh peguam, sebagai menunjukkan ketiadaan niat yang dikatakan itu, bahawa hak pemilik tanah yang didaftar itu adalah tetap kepada Dato Bentara Luar. Akan tetapi tidak dapat dinafikan juga bahawa hak menggunakan dan mendapat faedah dari tanah itu ada pada mereka yang mendapat faedah dari wakaf itu dan pihak yang dituntut dari saat pengisytiharan wakaf itu, dan di mana mereka sekarang berhak mengikut seksyen 5, Enakmen 1911 supaya hakmilik dipindahkan kepada mereka mengikut undang-undang. Sebenarnya seperti mana dihujjahkan oleh peguam yang dituntut boleh jadi tidak ada tujuan dari Dato Bentara Luar untuk memindahkan hak pemilik yang berdaftar kepada mereka yang berhak mendapat faedah oleh kerana ini boleh membatalkan maksudnya untuk membenarkan anak cucunya mengambil faedah dan hasilnya daripada harta itu buat selama-lamanya. Sepanjang hidupnya dia menjaga tanah tersebut sebagai mutawalli (pengurus) di mana pembuat wakaf boleh melantik dirinya sendiri sebagai pengurus (Lihat *Tyabji* muka surat 607). Pihak yang dituntut tidak memohon pemilikan tanah tersebut diletak kepada mereka lebih awal kerana secara jelas hak mereka di atas tanah tersebut tidak diganggu oleh yang menuntut. Sekarang mereka terpaksa berbuat demikian kerana yang menuntut mencuba mendapat pengakuan hakmilik mereka di atas tanah tersebut.

Oleh itu saya menolak tuntutan pihak yang menuntut dan memberi keputusan kepada pihak yang dituntut atas tuntutan balas mereka dan bayaran kos.

Tuntutan ditolak.

Peguamcara: *Thara Singh Sidhu; Hassan, Kong & Yeam.*

HAMZAH BIN MUSA lwn. FATIMAH ZAHRAH BINTI MOHD. JALAL

[Rayuan Sivil (Mohamed Zahir H.) November 25hb. 1981]
[Kota Bharu — Rayuan Sivil Bil. 19 Tahun 1980]

Kontrek — Undang-Undang Islam — Persetujuan oleh suami Islam untuk membayar $5,000 kepada isteri jika suami menceraikannya — Samada kontrek itu boleh dikuatkuasakan di Mahkamah Majistret — Samada kontrek itu suatu yang tak bermoral atau bertentangan dengan muslihat umum — Akta Kontrek 1950, s. 24.

Undang-Undang Islam — Persetujuan oleh suami untuk membayar $5,000 kepada isteri jika suami menceraikannya — Samada kontrek boleh dikuatkuasakan di Mahkamah Majistret.

Yang merayu dalam kes ini semasa mengahwini dengan yang menentang rayuan telah bersetuju membayar kepadanya $5,000 jika ia menceraikannya. Kemudiannya yang merayu telah menceraikan yang menentang rayuan dan yang menentang rayuan telah menuntut wang sebanyak $5,000. Yang arif Majistret telah membenarkan tuntutan itu dan kemudian yang merayu membuat rayuan.

Diputuskan: (1) Majistret yang Arif ada bidangkuasa untuk membicarakan kes;

(2) kontrek dalam kes ini bukan suatu yang bertentangan dengan muslihat umum mengikut seksyen 24, Akta Kontrek, 1950;

(3) yang menentang rayuan dalam kes ini telah bersetuju mengahwini yang merayu atas syarat jika suami itu menceraikannya, suami itu hendaklah membayar kepadanya $5,000. Yang menentang rayuan telahpun memenuhi tanggung-jawabnya dengan mengahwini pihak merayu dan apabila pihak merayu menceraikannya, dia bertanggungjawab memenuhi kontreknya.

Kes-kes yang dirujuk:

(1) *Nafisah* v. *Abdul Majid* [1969] 2 M.L.J. 174.

(2) *Sak'amah binte Saidin* v. *Tasmin bin Abdul Samad* [1938] M.L.J. 38.

RAYUAN SIVIL.

P. Dorairaj bagi pihak yang menuntut.

M.S. Nayagam bagi pihak yang dituntut.

Mohamed Zahir H.: Yang dituntut merayu atas keputusan Magistret yang mengarahnya supaya membayar wang sebanyak $5,000 yang dikira sebagai kadar yang harus dibayar dari mungkir janji yang telah dibuat oleh yang dituntut kepada bekas isterinya, yang menuntut, dimana ia berjanji tidak akan menceraikan yang menuntut dan andai ia berbuat demikian ia akan membayar kepadanya sebanyak $5,000.

Dalam perbicaraan di mahkamah rendah, yang dituntut tidak menafikan perjanjian itu akan tetapi dia mendakwa bahawa perjanjian itu tidak boleh dilaksanakan kerana ianya bercanggah dengan peruntukan undang-undang Islam. Lagi pun mengikut yang dituntut sebarang penyelesaian selepas perceraian hendaklah diadakan di Mahkamah Kadi kerana kedua-dua pihak adalah berugama Islam.

Mengikut keterangan yang dituntut ialah seorang guru sekolah yang sendiri menulis perjanjian itu. Ia dinamakan "Surat Perjanjian" yang berbunyi seperti berikut —

"Bahawa adalah saya Hamzah bin Musa, K.P. No. 0839666, tinggal di Kampong Kelubi, Jalan Machang, Pasir Putih, Kelantan, dengan sesungguhnya serta dengan hati yang suci mengaku bahawa:

---

* Dialihbahasa dari [1982] 1 M.L.J. 361 oleh Abdullah bin Abu Bakar, Pensyarah, di Fakulti Undang-undang, Universiti Malaya.